

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

**YB DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT) minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

- a) apakah komitmen Kerajaan terhadap penggubalan Rang Undang-undang Pembiayaan Dana Politik untuk mengawal selia sumbangan politik bagi mengelakkan berlakunya rasuah; dan
- b) apakah maklum balas serta cadangan yang telah diterima oleh Kerajaan berkenaan penggubalan rang undang-undang ini.

**JAWAPAN : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar sumbangan politik dalam format rang undang-undang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Parlimen (PSC) pada 7 November 2019.
2. Setakat ini maklum balas yang diterima adalah daripada sesi libat urus bersama beberapa parti politik dan sesi taklimat bersama mantan YAB Perdana Menteri Ke-7 pada 8 April 2019. Kerajaan berpendapat bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan dibuat kepada dasar tersebut.
3. Bagi tujuan penambahbaikan tersebut, Kerajaan telahpun mengarahkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) untuk membantu Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Parlimen mengadakan kajian lanjut dan sesi *townhall* dengan semua pemegang taruh dan mengemukakan laporan penambahbaikan dasar tersebut kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.